Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ - SSH)

Volume 1, Issue 4, November 2016

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Pembangunan Wakaf Pendidikan di University College Bestari, Terengganu

Mutiara Dwi Sari[1], Ab. Aziz Yusof[1], Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor[2]
[1]University College Bestari, Terengganu
[2]Pusat Kajian Pengurusan Pembangan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia

Corrrespondence: Mutiara Dwi Sari (mutiara_dwisari@yahoo.com)

Abstrak

Salah satu syarat untuk menjadi sebuah negara maju adalah tersedianya modal insan yang unggul yang lahir daripada Institusi Pengajian Tinggi. Kerajaan Malaysia telah memberikan peruntukan yang besar untuk mencapai matlamat tersebut. Walau bagaimanupun, terdapat kekangan dan keterhadan kewangan Kerajaan untuk memenuhi keseluruhan biaya Institusi Pengajian Tinggi. Oleh itu, semua pihak terkait perlulah mencari alternatif dan jalan keluar bagi mengatasi masalah ini. Wakaf merupakan salah satu sistem ekonomi Islam yang dikatakan sangat berpotensi bagi membangunkan pendidikan. Kertas kerja ini mempunyai dua tujuan. Pertama, untuk mengenal pasti pembangunan wakaf pendidikan dengan kajian kes di Universiti College Bestari (UCB), Terengganu, Malaysia. Kedua, menganalisis isu kelestaraian wakaf dan kaedah-kaedah yang digunakan UCB dalam mempastikan kelestarian wakaf tersebut. Bagi mencapai kedua-dua tujuan ini kaedah kualitatif yang melibatkan temu bual mendalam dua orang responden telah dijalankan. Data yang diperolehi di analisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa pembangunan wakaf di UCB sudah bermula sejak tahun 1998. Pengurusan dan pentadbiran wakaf UCB dilakukan di bawah tiga agensi *(joint venture)* yang setiapnya merupakan pemegang saham iaitu PEYATIM (Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia) (50%), PERKAYA (Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim) Terengganu (30%) dan YAKIN (Yayasan Kebajikan Negeri Terengganu) (20%). Antara kaedah yang digunakan untuk melestarikan wakaf pengajian tinggi di UCB adalah penjagaan dan pengelolaan aset yang telus dengan kepimpinan yang kuat, sistem pemasaran dan kaedah wakaf yang mudah. Sumbangan kerajaan dan juga peranan alumni dikatakan juga membantu pembangunan wakaf tersebut. Kajian ini membuktikan bahawa sistem wakaf memiliki potensi untuk membantu membangunkan pendidikan yang lestari.

Kata kunci: wakaf pendidikan, pembangunan wakaf, kelestarian wakaf, University College Bestari

Abstract

One of the conditions for the developed country is a excellent human capital that is born of the higher learning Institutions. Malaysian Governmen has provided substantial funds to achieve that goal. However, nowaday there are constraints and financial limitations to meet the entire cost of the Institutions of Higher Education. Therefore all parties in the education sector is necessary to look for alternatives and solutions to overcome this problem. Waqf is one of the Islamic economic systems are said to be very promising for the development of education. This paper has two purposes. First, to identify the development of waqf with a case study at the University College Bestari (UCB), Terengganu, Malaysia. Second, to analyze issues of waqf sustainability and methods used UCB in

ensuring the sustainability of these waqf. To achieve this both qualitative methods involving in-depth interviews of the two respondents. Data was analyzed using content analysis method. The study found that waqf development at UCB already started since 1998. Management and administration of waqf UCB is under three agencies (joint venture) each of which PEYATIM (Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia), PERKAYA (Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim) Terengganu (30%) and YAKIN (Yayasan Kebajikan Negeri Terengganu) (20%). Among the methods used to ensure the sustainability of waqf at the UCB is secure and transparent asset management with strong leadership, marketing system and method which is easy waqf. The contribution of government and the role of alumni also help development of waqf. This study proves that the waqf system has the potential to help development of sustainable education.

Key words: education waqf, waqf development, sustainability of the waqf and University College Bestari

---

Pengenalan

Peranan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam sebuah negara sangat penting bagi melahirkan modal insan yang unggul yang dapat dijadikan sebagai pemangkin bagi kemajuan sebuah negara. Khasnya lagi Malaysia bercita-cita untuk menjadi sebuah Negara berstatus negara maju menjelang 2020 dan kemajuan dalam pendidikan tinggi adalah salah satu syaratnya. Modal insan yang unggul penting sebagai persediaan Negara ini bagi mencapai status negara maju menjelang 2020. Pendidikan yang maju akan mampu menghasilkan modal insan kelas pertama yang berkualiti serta berpengetahuan tinggi dengan nilai-nilai inovatif, kreatif, terlatih dan berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang berkaitan yang diperlukan bagi peringkat pendidikan awal hingga ke peringkat tertinggi (Siti Zakiah Ali dan Hairunnizam Wahid, 2014). Hal ini tentu sahaja memerlukan usaha yang berterusan ke arah membangunkan keupayaan tempatan dan menarik bakat dan pelajar dari pelbagai dunia. Untuk tujuan tersebut kerajaan telah mengeluarkan peruntukan yang besar bagi melahirkan modal insan kelas pertama dengan memberikan subsidi atau bantuan melalui Kementerian Pendidikan (Tham, 2011). Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan kepada Kementerian Pendidikan sebanyak RM54.6 bilion pada tahun 2014 atau 20.8 peratus daripada jumlah perbelanjaan kerajaan persekutuan dan ini merupakan satu peruntukan kewangan yang agak besar (Kementerian Kewangan Malaysia, 2014).

Walaupun demikian, terdapat kekangan belanjawan yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam memajukan sektor pendidikan ini. Pembiayaan pendidikan yang mahal dan telah mengekang pelajar untuk mendapatkan pendidikan, terutamanya bagi mereka yang membiayai sendiri. Ini menyebabkan tidak semua pelajar mendapat kesempatan untuk mengakses pembelajaran hingga pendidikan tinggi (Siti Mashitoh Mahamood dan Asmak Ab Rahman, 2015). Pada masa yang sama kerajaan harus menanggung pembiayaan yang tinggi untuk pinjaman pelajaran di samping kadar yang tinggi kegagalan pelajar membayar semula pinjaman pelajaran. Oleh itu, terdapat keperluan kritikal untuk melihat semula kaedah bagi pembiayaan di IPT agar tidak menjejaskan kelestariannya.

Terlebih lagi pada masa sekarang, dalam keadaan situasi ekonomi dunia yang tidak menentu, maka beberapa pengurusan Universiti seperti Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) akan mengambil pendekatan mewujudkan dana wakaf bagi mengukuhkan dana universiti sebagai agenda utama. Bahkan wakaf kini telah menajdi opsyen sumber dana wajib bagi hampir semua IPTA di Malaysia (Utusan Online, 2016). Wakaf diyakini sebagai satu strategi yang berpotensi untuk menampung perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan yang memainkan peranan penting (Azri Ahmad, Syarqawi bin Muhammad dan Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman, 2012; Siti Zakiah Ali dan Hairunnizam Wahid, 2014). Wakaf sebagai instrumen atau sumber alternatif pembiayaan sektor IPT memiliki prospek yang tinggi (Asharaf Mohd Ramli dan Mustafa Omar Mohamad, n.d; Maffuza binti Salleh, Noor Syahida binti Abdul Rahman, 2014; Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rashid dan Noor Inayah Yaakub, 2016). Wakaf pendidikan tinggi ini dianggap sebagai salah satu solusi yang berpotensi untuk memastikan pendidikan tetap lestari dan dapat dinikmati oleh seluruh masyarakat.

Kepentingan wakaf dalam menyediakan prasarana untuk kebajikan umum tidak dapat dinafikan. Merujuk kepada sejarah wakaf yang diamalkan oleh kerajaan Uthmaniah di Turki, wakaf telah membantu membangunkan pelbagai prasarana termasuk institusi pendidikan (Saduman dan Aysun, 2009). Wakaf Ayubi (1171-1249) dan wakaf Mamalik atau Mamluk (1249-1517) di Palestin dan Mesir adalah antara contoh wakaf pendidikan yang banyak memberikan sumbangan kepada masyarakat setempat (Monzer Kahf, 2011). Antara institusi pendidikan berteraskan wakaf yang terkenal pada masa ini dalam kalangan umat Islam seluruh dunia ialah Madrasah Nizamiyah di Iraq, Madrasah al-Nuriyah Damsyik di Syria dan Universiti al-Azhar, Kaherah di Mesir. Bahkan menurut Muna Sulaiman, Mokhtar Ismail, Mohd. Isa Mohd. Deni dan Hairullfazli Muhammad Som (t.t) di Negara sekular seperti Singapura wakaf pendidikan juga merupakan instrumen yang sangat penting bagi memastikan perkembangan institusi pendidikan. Pembangunan institusi pendidikan Islam di Singapura sangat bergantung kepada sumber persendirian dan wakaf. Kewujudan banyak hartanah yang diwakafkan serta diuruskan oleh pengurus dan pemegang amanah yang cekap telah membantu usaha membangunkan institusi pendidikan Islam di Singapura. Di Indonesia pula zakat pendidikan bukan satu perkara baru. Wakaf pendidikan telah mula diperkenalkan sejak datangnya Islam di negara tersebut. Sehingga kini, terdapat banyak pondok, sekolah agama dan universiti di Indonesia yang dibangunkan dan dikelola berdasarkan dana wakaf. Menurut Mohd Isa Mohd Deni, Hairullfazli Mohammad Som dan Mokhtar Ismail (2014), wakaf antara faktor penting yang menyumbang kejayaan kepada institusi-institusi pendidikan Islam Indonesia.

Konsep dan Pembangunan Wakaf

a) Konsep Wakaf

Murat Cizakca (1998) menyatakan amalan saleh yang bersifat kekal dalam Islam dikenali sebagai wakaf. Menurut Monzer Kahf (1998) wakaf adalah satu tindakan memegang harta tertentu dan memelihara untuk faedah masyarakat Islam. Fasal 2 Enakmen Wakaf Selangor 1999 pula mendefinisikan wakaf am sebagai sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak. Wakaf merupakan *endowment* yang terdiri daripada empat rukun iaitu pewakaf (al-waqif), harta yang diwakafkan (almawquf), penerima manfaat wakaf (al-mawquf ‘alaih) dan penyataan wakaf atau ikrar (al-sighah) (Majidah Zainudin, 2013). Wakaf termasuk amal jariah yang dituntut dalam Islam berdasarkan al-Quran dan Hadis Nabi SAW.

Allah SWT berfirman:

> “*Bandingan pahala orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah SWT adalah umpama sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai dan pada tiap-tiap tangkai itu ada seratus biji dan Allah SWT melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui.”* (al-Baqarah, 2:261).

Selain itu Rasulullah SAW bersabda:

> *“Apabila matinya seseorang anak Adam, maka terhentilah amalannya kecuali tiga perkara iaitu kebajikan yang berpanjangan (sedekah jariyah), ilmu yang dimanfaatkan dan anak yang soleh yang mendoakannya”* (Hadis Riwayat Imam Muslim: 1631).

Imam Nawawi menyatakan hadis ini merupakan dalil wakaf serta besarnya pahala wakaf dan menurutnya yang dimaksudkan dengan sedekah jariah adalah wakaf (Maffuza binti Salleh, Noor Syahida binti Abdul Rahman, 2014). Berdasarkan kepada nas-nas ini, pemberian wakaf amatlah digalakkan kerana ia seolah-olah membuat pelaburan untuk akhirat di mana pulangan pahala yang berterusan, berkekalan dan berpanjangan walaupun pewakaf telah meninggal dunia. (MAIDAM, 2013). Fasal 3(2), Enakmen Wakaf Selangor 1999 memperuntukkan wakaf boleh diwujudkan dalam dua bentuk iaitu sama ada wakaf am atau wakaf khas. Wakaf am merupakan mana-mana bentuk harta

wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan kebajikan atau khairat umum tanpa menentukan mana-mana benefisiari khusus (sama ada terdiri daripada individu ataupun mana-mana organisasi/institusi) ataupun tujuan-tujuan khusus yang tertentu. Wakaf dalam bentuk ini boleh diaplikasikan kepada perkara-perkara atau tujuan-tujuan kebajikan umum yang dapat meningkatkan lagi imej Islam dan masyarakatnya. Sebagai contoh, seseorang mewakafkan tanahnya untuk tujuan kebajikan umat Islam secara umum tanpa menetapkan sebarang syarat kepada harta yang diwakafkan. Wakaf khas pula bersifat khusus apabila pewakaf menentukan manfaat wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan khusus ataupun benefisiari-benefisiari tertentu. Sebagai contoh, seseorang pewakaf akan menetapkan kepada siapakah wakafnya dibuat atau untuk tujuan apakah wakafnya mesti dilaksanakan. Contohnya, pewakaf mewakafkan tanah untuk perkuburan atau mewakafkan tanah hanya untuk orang miskin di sesuatu tempat yang dinyatakan. Menurut Maffuza binti Salleh dan Noor Syahida binti Abdul Rahman (2014), wakaf khas merupakan wakaf yang popular di Malaysia. Pada masa kini kewujudan wakaf seperti wakaf pendidikan, wakaf perubatan, wakaf tempat ibadat, wakaf untuk anak yatim dan fakir miskin adalah dalam kategori wakaf khas.

Secara umum, panduan bagaimana harta wakaf perlu diuruskan adalah berdasarkan hadis Ibn ‘Umar yang bermaksud:

> *“Dari Nafi` dari Ibn `Umar beliau menyebut bahawa Umar r.a. telah memperoleh tanah di bumi Khaibar. Beliau lalu bertanya kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah, saya telah memperoleh tanah di bumi Khaibar yang nilainya tinggi dan tidak pernah saya peroleh yang lebih tinggi nilai daripadanya. Apakah yang tuan mahu saya lakukannya? Rasulullah SAW bersabda: “Kalau kamu mahu, bekukan sumbernya dan bersedekah dengannya.” Lalu Umar menyedekahkan tanah tersebut kepada fakir miskin, kaum keluarganya, untuk memerdekakan hamba, para tetamu, dana orang musafir. Tanah tersebut tidak boleh dijual, dihibah atau dijadikan pusaka. Tetapi, ia boleh digunakan dengan cara yang munasabah oleh pihak yang menguruskannya. Contohnya, memakan harta tersebut tanpa menjadikannya sebagai sumber harta.” (Hadis Riwayat Imam Bukhari: 2586 dan Imam Muslim: 1632).*

Merujuk kepada hadis ini para fukaha menetapkan tiga prinsip peraturan wakaf yang perlu direalisasikan dalam pelaksanaan sesuatu wakaf, iaitu: (a) Harta wakaf tidak boleh dijual.(b) Harta wakaf tidak boleh dihibahkan kepada orang lain.(c) Harta wakaf tidak boleh diwarisi (Maffuza binti Salleh dan Noor Syahida binti Abdul Rahman, 2014).

b) Pembangunan Wakaf Universiti

Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani dan Ermy Azziaty Rozali (n.d) mendefinisikan institusi pendidikan wakaf sebagai sebuah organisasi atau institusi yang ditubuhkan melalui sumbangan masyarakat Islam atau dibina atas tanah atau bangunan yang diwakafkan untuk tujuan pendidikan Islam. Matlamat utamanya ialah untuk mendapat keredhaan Allah SWT, di samping melahirkan masyarakat Islam yang soleh, mukmin dan muttaqin. Farra Munna Harun, Bayu Taufiq Possumah, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai dan Abd Halim Mohd Noor (2014); Mokhtar Ismail, Hairullfazli Muhammad Som, Mohd. Isa Mohd. Deni dan Muna Sulaiman (2015) menyatakan konsep wakaf atau dalam istilah lain adalah *“endowment”,* telah wujud pada masa Nabi Muhammad SAW dan sejak itu wakaf telah memainkan peranan penting dalam membangunkan tamadun Islam. Wakaf merupakan salah satu bentuk instrumen ekonomi Islam yang memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat Islam termasuk dalam pembangunan pendidikan Tinggi. Mokhtar Ismail, Hairullfazli bin Muhammad Som dan Mohd. Isa Mohd. Deni (2015) mengatakan bahawa wakaf merupakan instrumen yang sangat besar peranannya dalam memberi sumbangan kepada pembinaan dan perkembangan institusi pendidikan dalam dunia Islam. Univeristi Al-Azhar merupakan satu contoh bagaimana wakaf memainkan fungsi penting dalam dunia pendidikan tinggi dan sekali gus merupakan contoh kejayaan wakaf pendidikan tinggi di dunia. Pembangunan universiti Al-Azhar pada awalnya dibiayai melalui dana wakaf dan sehingga kini ia masih lagi diasaskan dan ditadbir melalui sumber wakaf. Selama lebih 800 tahun Universiti Al-Azhar ini mampu bertahan yang dibiayai melalui dana wakaf (Azri

Ahmad, Syarqawi bin Muhammad dan Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman, 2012; Raja Nor Ashikin Raja Ramli, dan Nor 'Adha binti Abd Hamid, 2014).

Selain daripada universiti Al-Azhar, terdapat banyak contoh-contoh universiti di negara-negara lain yang mendapat manfaat daripada aset wakaf, seperti Universiti Al-Qurawiyin di Fez, Maghribi; Universiti Al-Muntasiriyyah, Iraq; Universiti Cordova, Sepanyol; Raja Abdul Aziz University, UAE dan Universiti Islam Indonesia (UII). Di Cecennestan dan Azerbaijan telah dibangunkan masing-masing 800 dan 786 buah universiti dan dibiayai oleh sumber wakaf. Manakala di Turki, terdapat sebanyak 142 buah universiti, 87 buah sekolah yang dibangunkan dan dibiayai oleh dana wakaf. Salah satu universiti yang terkemuka di Turki ialah Universiti al-Fatih yang dibangunkan dengan dana wakaf. Pada zaman pemerintahan Muhamad al-Fatih bin Murad, Sultan Muhammad II telah membuat perubahan dengan memastikan pusat-pusat pendidikan dibangunkan melalui sumber wakaf (Raja Nor Ashikin Raja Ramli, dan Nor 'Adha binti Abd Hamid, 2014). Kartini Aboo Talib @ Khalid, Nidzam Sulaiman, Wan Kamal Mujani, Ermy Azziaty Rozali (2015) menyatakan di negara-negara Barat sekalipun amalan *endowment* telah lama diamalkan di beberapa universiti tersohor dunia termasuk Harvard, Yale, Princeton, Cambridge, dan Oxford. Pengumpulan dana jutaan dollar sebagai modal penggerak dan operasi universiti sangat berkesan bagi universiti ini menjalankan khidmat sebagai IPT.

Tidak terkecuali di Malaysia, Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor (2015) berpendapat perkembangan IPT Malaysia yang telah melaksanakan wakaf pendidikan tinggi semakin menggalakkan. Ini adalah kerana instrumen wakaf pendidikan tinggi sangat berpotensi memainkan peranan bagi melestarikan IPT Malaysia di samping membantu universiti dalam mengatasi kos kewangan untuk melaksanakan aktiviti pelajar serta pembangunan IPT yang semakin meningkat. Wakaf pendidikan tinggi ini juga bukan sahaja membantu pembangunan pendidikan pelajar bahkan membantu IPT daripada segi merangka dasar serta strategi yang mantap agar lebih berdaya saing dan kompetitif kerana adanya faktor kewangan yang kukuh. Sejak pembangunan wakaf pendidikan tinggi semakin mendapat perhatian oleh para pengkaji-pengkaji wakaf di Malaysia. Antaranya Khoo (1980) menulis tentang Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang telah didirikan atas tanah sumbangan wakaf oleh pihak tertentu. Selain itu, Siti Zakiah Ali (2014); Siti Mashitoh Mahamood dan Asmak Ab Rahman (2015) menyoroti tentang beberapa IPT di Malaysia yang beroperasi berdasarkan kepada konsep wakaf. Mereka mengatakan terdapat sekurang-kurangnya lima universiti yang telah pun menjalankan operasinya berasaskan wakaf yang melibatkan pelbagai aktiviti, perkhidmatan kebajikan dan program akademik atau profesional. Universiti tersebut adalah UPM (Universiti Putra Malaysia), UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia), UIAM (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), UIM (Universiti Islam Malaysia) dan AiU (Albukhary Universiti Antarabangsa). Nur Yuhanis Ismon, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Shahrina Romli dan Roslina Hashim (2015) pula telah menyoroti wakaf pendidikan tinggi di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Manakala Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada tahun 1995 hasil daripada kutipan zakat serta wakaf oleh pihak KUIS, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) (Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor, 2015). Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani dan Ermy Azziaty Rozali (n.d) dan Noor Inayah Yaakub (2014) khas menyoroti UIM yang dikatakan sebagai Universiti wakaf pertama di Malaysia.

Akademi Kulinari Terengganu (AKT) telah dibangunkan di atas tanah wakaf dan diurus oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) melalui peruntukan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Ianya merupakan kerjasama sinergi di antara MAIDAM sebagai Pemilik, YWM (Pembiaya dan Pengurus) dan GIATMARA (Pengajar). AKT telah memulakan operasi pada tahun 2012. AKT diuruskan oleh YWM melalui Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) dengan kerjasama pihak GIATMARA (MAIDAM, 2013). Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rashid dan Noor Inayah Yaakub (2016) mengulas tentang menyoroti tentang implementasi wakaf di beberapa universiti awam dan swasta di Malaysia. Antaranya IPTA yang terlibat adalah di UKM, UPM, USIM, manakala bagi IPTS pengkaji mengulas tentang wakaf universiti di UCB dan UIM dengan merujuk kepada wakaf universiti di Turki. Kajiannya menunjukkan wakaf adalah salah satu instrumen terbaik untuk membiayai universiti-universiti di Malaysia. Pelaksanaan wakaf di universiti awam dan swasta tidak banyak berbeza, namun universiti swasta dilihat mempunyai lebih banyak keistimewaan dari segi mengumpul dana wakaf jika mereka mempunyai aset sendiri seperti tanah, berbanding universiti

awam. Walau bagaimanapun kajian ini tidaklah khas mengkaji tentang UCB. Oleh itu, Universiti College Bestari sebuah IPTS yang berlokasi di Terengganu, Malaysia agak luput daripada perhatian pengkaji. Masih kurang pengkaji yang secara khas membahaskan berkenaan UCB sebagai sebuah universiti wakaf. Padahal UCB yang pada awalnya berasal dari KTB telah wujud sejak tahun 1998 dan universiti ini boleh bertahan hingga sekarang.

Pelbagai kaedah telah digunakan dalam membangunkan wakaf pendidikan tinggi di Malaysia. Contohnya di UPM wakaf dibangunkan berdasarkan sumbangan dan bantuan kewangan serta sokongan padu daripada Canselor UPM Canselor, iaitu Sultan (Raja) Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang menyumbang MYR 300,000 kepada dana wakaf, yang dikenali sebagai Dana Waqaf Ilmu UPM dan Sultan juga telah melancarkan operasinya. Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula, wakaf beroperasi di bawah Canselori Foundation yang telah menyediakan pelbagai kemudahan ICT moden untuk penderma wakaf bagi memudahkan penyaluran sumbangan kepada dana wakaf (dikenali sebagai Dana Waqaf UKM). Melalui laman web yang dibina khas untuk keperluan wakaf UKM, terdapat kemudahan perbankan elektronik untuk membuat sumbangan wakaf. Aktiviti jerayawara mengenai sumbangan wakaf dan kepentingan mereka juga telah dimulakan oleh UKM untuk ahli-ahli fakulti universiti bagi mewujudkan kesedaran mengenai tujuan sumbangan tersebut (Siti Mashitoh Mahamood dan Asmak Ab Rahman, 2015). Terdapat pula pengkaji seperti Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Mohd Asyraf Yusof, Fuadah Johari, Asharaf Ramli dan Hisham Sabri (2014) yang mencadangkan tentang konsep bank wakaf bagi menyalurkan pinjaman kepada pelajar IPT untuk membiayai pendidikan mereka. Di samping itu, Norsiah Sulaiman dan Farahdina Abdul Manaf (2009) turut menyatakan institusi wakaf telah menjadi salah satu sumber pembiayaan penting dalam pembangunan pendidikan dan penyelidikan. Perkara ini turut ditekankan oleh Nur Amalina Saidan dan Asmak Ab Rahman (2014) yang memberi pendapat mengoptimumkan dana wakaf untuk pembiayaan serta pembangunan IPT menggunakan instrumen kewangan akan memberi manfaat bukan sahaja kepada pelajar dan kakitangan universiti tetapi seluruh universiti dan masyarakat boleh menjadi penerima manfaat daripada wakaf.

c) Isu Kelestarian Wakaf Universiti

Isu kelestarian dana wakaf pendidikan tinggi ini sememangnya merupakan masalah tersendiri dan menjadi sorotan beberapa pengkaji dalam bidang wakaf ini. Zakariya Man dan Salihu Abdulwaheed A. (2011) berhujah, isu yang dipertaruhkan dalam isu kelestarian adalah terkait dengan persoalan bagaimana dana wakaf tersebut dapat digunakan dan dimanfaatkan dengan sebaiknya? Meliputi masalah penggunaan yang cekap dan berkesan. Dalam Islam, isu penggunaan dana-dana yang berasal dari pemberian masyarakat seperti wakaf ini adalah bagaimana dana tersebut dapat lestari dan kekal. Konsep menggerakkan dana untuk pembangunan tidak boleh bersifat sementara, sebaliknya ia perlu dilakukan dalam pelbagai cara agar ianya berkekalan. Justeru itu, bahagian ini menyorot tentang isu kelestarian wakaf universiti dan kaedah yang berkesan dalam menguruskan aset wakaf pendidikan tinggi agar lebih lancar dan sistematik. Ini kerana, jikalau wujudnya permasalahan dalam menguruskan aset wakaf pendidikan tinggi sudah tentu wakaf itu sendiri tidak dapat dilestarikan dengan sebaiknya (Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor, 2015). Meskipun wakaf pendidikan bukan merupakan suatu perkara baru kerana ianya telah lama diimplementasikan oleh beberapa negara Islam dan Barat, namun potensi wakaf dalam usaha membangunkan ekonomi sesebuah institusi pendidikan tinggi seperti universiti masih belum diyakini dan dipraktikkan di Malaysia (Raja Nor Ashikin Raja Ramlan dan Nor ‘Adhabinti Abd Hamid, 2014). Apa yang berlaku kepada Universiti Al-Bukhary telah menjadikan tanda tanya dalam kalangan masyarakat tentang kelestarian wakaf pendidikan tinggi di Malaysia. Universiti Antarabangsa Al-Bukhary telah didirikan berasaskan pembiayaan yayasan Universiti Antarabangsa Al-Bukhary yang telah ditubuhkan pada tahun 1996 oleh Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary. Pihak pentadbiran universiti tidak mengenakan sebarang yuran kepada pelajarnya kerana segala kos pengajian termasuklah kos makanan dan penginapan dibiayai sepenuhnya oleh pihak Yayasan Al-bukhary (Muhammad Husni Hasbulah, Mohd Zaidi Daud dan Mohammad Taqiuddin Mohamad, 2015). Namun, universiti ini terpaksa dihentikan operasinya pada tahun 2014 disebabkan oleh masalah dalaman pihak pengurusan universiti tersebut (Najibah Mustaffa dan Mohd Zamro Muda, 2014). Oleh itu isu pengurusan selalunya menjadi isu yang dikaitkan dengan masalah kelestarian wakaf ini. Antara permasalahan lain berkaitan isu kelestarian wakaf ini adalah

ketidaktelusan pengurusan wakaf (Kamarudin Ngah, 1991; Abu Bakar Manat, 2007), ketidakcukupan dana yang bersifat cair dan masalah aset yang bersifat tidak cair (Aminah Mohsin dan Mohammad Tahir Sabit Mohammad, 2011), kekurangan kemahuan berwakaf dan desakan politik (Abul Hassan dan Mohammad Abdus Shahid, 2010) dan hanya mengharapkan sumbangan kewangan orang ramai serta dana daripada kerajaan (Md Nurdin Ngadimon, 2014).

Di samping itu, terdapat juga pengkaji yang mengetengahkan beberapa permasalahan lain yang timbul seperti Mohamad Zaim Ismail, Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md. Ariffin dan Muhammad Ikhlas Rosele (2013) yang telah menerangkan terdapat tujuh isu terkini berkaitan pembangunan wakaf. Pertama, tahap kesedaran serta kepentingan pengetahuan masyarakat tentang wakaf masih lagi kurang. Kedua, ketidakseragaman undang-undang wakaf antara negeri-negeri. Ketiga, kebanyakan harta wakaf terletak di lokasi yang kurang strategik dan tidak mempunyai nilai pembangunan. Keempat, tanah-tanah wakaf turut diserobohi. Kelima, tanah wakaf belum didaftarkan. Keenam, perkembangan dan pembangunan aplikasi wakaf dalam konteks kewangan masih belum lagi dapat dilaksanakan secara komersial. Ketujuh, tiada lagi bentuk pentadbiran wakaf yang menjadi ibu bagi semua operasi wakaf negeri. Perkara ini selari dengan pendapat Md Nurdin Ngadimon (2014) yang menyatakan salah satu cabaran dalam menguruskan aset wakaf ini adalah pemahaman masyarakat Islam yang beranggapan wakaf khas seperti masjid, sekolah dan sebagainya adalah lebih utama daripada perspektif syariah berbanding wakaf am sedangkan wakaf am ini adalah fleksibel serta merangkumi peranan yang lebih meluas. Beliau turut juga menyatakan masih belum terdapat pendanaan bagi tujuan pembangunan aset wakaf menggunakan alat kewangan kontemporari pasaran modal Islam dan kebanyakan pembangunan aset wakaf ini lebih kepada mengharap sumbangan kewangan daripada orang ramai dan dana daripada kerajaan. Padahal untuk memastikan kelestarian dana wakaf ini perlulah dibangunkan aset tersebut agar berkembang bagi menambahkan kuantiti wakaf dan kualiti manfaat di samping struktur dalam organisasi wakaf juga harus jelas bagi memastikan dana wakaf ini dapat dikembangkan dan dikomersialkan (Siti Zakiah Ali, 2014). Sehingga kini kebanyakan pihak pengurusan wakaf hanya bergantung kepada sumbangan daripada orang ramai dalam menyelenggarakan harta wakaf dan masih kurang inisiatif dalam meningkatkan penghasilan harta wakaf terutamanya yang bersifat ekonomi dan perniagaan (Zakaria Bahari, 2012). Walaupun begitu, terdapat juga sarjana yang telah mengemukakan beberapa kaedah yang boleh diguna pakai bagi menguruskan aset wakaf serta mempertingkatkan pelaburan harta wakaf secara lebih produktif. Zakaria Bahari (2012) telah mencadangkan empat model pelaburan penjanaan harta tanah wakaf iaitu pelaburan berasaskan hutang, ekuiti, pembiayaan sendiri dan *istibdal*. Berdasarkan kepada penelitian Amini Amir Abdullah (2013) pula, beliau mencadangkan lima model wakaf yang boleh diaplikasikan untuk kemajuan pengurusan wakaf di Malaysia. Pertama, model pembangunan wakaf dengan menekankan elemen pengurusan, pengagihan manfaat, pelaburan dan pengembangan. Kedua, model transformasi wakaf iaitu transformasi wakaf tradisional seperti tanah dan bangunan kepada wakaf moden. seperti wakaf tunai, wakaf saham dan saham wakaf. Ketiga, model transformasi wakaf baharu melalui penglibatan institusi perbankan Islam iaitu simpanan bank yang terhasil daripada dana wakaf dikembangkan ke luar negara dan seterusnya dimanfaatkan kepada umat Islam dan bukan Islam di luar negara. Keempat, model kitaran pelaburan wakaf tanah. Kelima, model kitaran pelaburan wakaf tunai melalui pelaburan patuh syariah.

Selain daripada kaedah yang telah dinyatakan sebelum ini, terdapat juga kaedah lain yang boleh dipraktikkan bagi tujuan memproduktifkan aset wakaf seperti yang dinyatakan oleh Hydzulkifli Hashim dan Asmak Abd Rahman (2013) melalui tiga kaedahnya. Pertama, menyewakan aset wakaf sedia ada dan hasilnya boleh disalurkan kepada penerima manfaat wakaf atau membangunkan harta wakaf yang lain. Kedua, melaksanakan aktiviti penternakan dan pertanian di atas tanah wakaf. Ketiga, membina bangunan komersial di atas tanah wakaf seperti pasar raya atau tempat penginapan. Muhammad Abdurrahman Sadique (2010) menambah, terdapat dua kaedah lain yang bersesuaian dalam pembiayaan pembangunan aset wakaf iaitu pembiayaan secara tradisional dan semasa. Pertama, secara tradisional melalui ihtikar (pajakan tanah wakaf jangka masa panjang dan membenarkan pembangunan), *ijaratayn* (aku janji wakaf pembinaan di atas tanah melalui bayaran pendahuluan oleh pemajak), *mursad* (pembinaan oleh pemajak yang dikira sebagai pendahuluan sewa). Kedua, kaedah semasa melalui *istisna* dan sijil mudarabah. Oleh kerana kebimbangan yang timbul di beberapa kaedah ini terutamanya yang berkaitan dengan isu pemilikan, format berasaskan ijarah dan *istisna* kelihatan paling sesuai digunakan untuk pembiayaan wakaf.

Selain bantuan dana daripada kerajaan, kaedah pengumpulan dana bagi tujuan membiayai pembangunan wakaf boleh dilaksanakan berteraskan kaedah dan bentuk kontemporari seperti wakaf wang tunai dan saham wakaf (Siti Mashitoh Mahamood, 2007; Naziree Md. Yusof, 2010). Menurut Md Nurdin Ngadimon (2011) dalam konteks pembangunan aset wakaf, alat kewangan seperti sukuk sesuai digunakan bagi menjana modal sebagai sumber serta asas pembiayaan yang kukuh bagi sesuatu aset berkualiti dan kesannya akan memberi kesan signifikan kepada masyarakat setempat kerana menjadi satu mercu tanda lambang kecekapan pengurusan menurut prinsip syariah dan kecekapan alat kewangan Islam. Pembangunan aset wakaf di Singapura lebih ke hadapan berbanding Malaysia dan ini boleh dijadikan sebagai panduan bagi pengembangan aset wakaf. Shamsiah Abdul Karim (2010) telah menyatakan terdapat lima strategi pembangunan dan pembiayaan yang digunakan dalam pengurusan aset wakaf di Singapura. Pertama, *istibdal*. Kedua, pembiayaan dalaman iaitu melalui Baitulmal. Ketiga, pajakan dalam tempoh panjang (*Hukr*). Keempat, menjual hartanah wakaf sedia ada. Kelima, pembiayaan luaran seperti Bon Musyarakah yang diperlukan untuk membiayai projek berskala besar.

Najibah Mustaffa dan Mohd Zamro Muda (2014); Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor (2015); membangkitkan isu kelestarian wakaf ini dengan menghubungkannya dengan masalah utamanya iaitu masalah pengurusannya. Selain isu kelestarian wakaf, isu pentadbiran wakaf juga perlu diambil kira. Hal ini berkaitan dengan masalah ketidakseragaman pentadbiran serta pengurusan dan ini menimbulkan konflik dalam menguruskan harta wakaf (Marziana Abd Malib, Ruzian Markom dan Rusnadewi Abd Rashid, 2015). Selain itu, kekurangan kepakaran dan sumber manusia yang sering menjadi cabaran terhadap pengurusan harta wakaf di Malaysia seperti pihak MAIN sebagai badan utama pentadbir harta wakaf banyak terbeban dengan masalah seperti ini (Nur Yuhanis Ismon, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Shahrina Romli dan Roslina Hashim, 2015). Di Malaysia, Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bagi membantu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) melaksanakan pembangunan harta-harta wakaf. Selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf di negeri-negeri, MAIN tidak mempunyai satu undang-undang bertulis yang boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaan pengurusan harta wakaf. Pada masa yang sama, kakitangan MAIN ini juga terlibat dalam pengurusan wakaf yang dibebankan dengan pelbagai tugasan lain dan ini mengakibatkan tiada pengkhususan serta perhatian juga kurang diberikan kepada pembangunan wakaf (Marziana Abd Malib, Ruzian Markom dan Rusnadewi Abd Rashid, 2014; Rohayati Hussin dan Rusnadewi Abdul Rashid, 2015; Mohd Ali Muhammad Don, 2016). Di samping kedua-dua masalah tersebut juga terdapat masalah kekangan pentadbiran di antara pihak universiti dengan pihak MAIN dalam keperluan pihak universiti memohon sebagai *mutawalli* harta wakaf tersebut dan ini akan menyebabkan kebebasan dan kemajuan berwakaf tersebut kurang menggalakkan di samping pihak universiti yang ingin memperkasa wakaf tersebut terpaksa tidak mengumumkan pelaksanaan pembiayaan dengan wakaf dan menukarkannya kepada yayasan untuk mengelakkan campur tangan pihak MAIN (Zakaria Bahari, 2013).

Walau bagaimanapun, masalah pentadbiran ini merupakan masalah yang tidak dapat dipisahkan dengan masalah kelestarian. Pentadbiran wakaf yang kurang baik akan mempengaruhi kelestarian dana wakaf itu sendiri. Kelestarian dana wakaf pula bergantung kepada pentadbiran dan pengurusan wakaf itu sendiri iaitu bagaimana pentadbir atau pengurus wakaf tersebut mengelola dana wakaf tersebut. Ini penting agar dana wakaf dapat dibangunkan sehingga berkembang bagi menambahkan kuantiti wakaf dan kualiti manfaat di samping struktur dalam organisasi wakaf juga harus jelas bagi memastikan dana wakaf ini dapat dikembangkan dan dikomersialkan (Siti Zakiah Ali dan Hairunnizam Wahid, 2014).

Perihal pengurusan menurut Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor (2015) merupakan salah satu faktor yang penting dalam menjamin kelestarian aset wakaf daripada sudut fizikal di samping bagi memenuhi objektif menggalakkan perkembangan ekonomi. Aspek pengurusan dana sememanglah menjadi aspek yang penting dan tumpuan kerana merupakan tulang belakang kepada kejayaan sesebuah IPT yang melaksanakan wakaf (Najibah Mustaffa dan Mohd Zamro Muda, 2014). Muhammad Yusuf Saleem (2009) berhujah, perlunya universiti yang melaksanakan wakaf diberi kuasa untuk menguruskan institusi mereka sendiri sebagai *mutawwali*. Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rashid dan Noor Inayah Yaakub (2016) mendapati universiti swasta lebih mempunyai

kebebasan dalam mengurus wakaf mereka sendiri berbanding universiti awam yang dilihat tidak mempunyai kebebasan banyak dalam melaksanakan wakaf. Hal ini kerana universiti awam terikat dengan peraturan universiti dan peraturan-peraturan yang berbeza dengan universiti swasta. Sementara itu, perundangan landskap wakaf universiti di Turki adalah lebih teratur kerana mereka dipantau oleh undang-undang yang sama atau seragam yang disediakan oleh kerajaan mereka. Keadaannya berbeza dengan di Malaysia, wujudnya ketidakseragaman pentadbiran serta pengurusan dan ini menimbulkan konflik dalam menguruskan harta wakaf (Marziana Abd Malib, Ruzian Markom dan Rusnadewi Abd Rashid, 2015).

Dapatan Dan Perbincangan

a) Pembangunan Wakaf Pendidikan Tinggi University College Bestari (UCB)

University College Bestari (UCB) merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menjadikan wakaf sebagai "Blue Ocean Srategy". UCB merupakan Kolej Universiti pertama yang berusaha memartabatkan anak-anak Melayu miskin, gologan PPRT (Program Pembangunan Rakyat Miskin) dan anak yatim seluruh Malaysia yang berkemampuan dalam bidang akademik untuk mendapat peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Justeru itu penubuhan awal Kolej Universiti Bestari (pada awal penubuhan) yang tidak bermotifkan keuntungan semata-mata (non-profit making institution) tetapi lebih ke arah kebajikan ini cuba merealisasikan pembangunan keilmuan dalam arus perdana globalisasi negara supaya peluang pendidikan ini turut sama dikecapi oleh masyarakat luar bandar dan anak-anak yatim di seluruh negara.

Penubuhan University College Bestari ini, bermula daripada kegiatan dan gerakan kumpulan yang terlibat dengan aktiviti kebajikan anak yatim Malaysia. Dari itu kumpulan 'Think Tank' PEYATIM yang diketuai oleh YM Dato' Dr. Tengku Mahmud bin Mansor telah merancang untuk membangun sebuah Kolej yang bermatlamat untuk menjadikannya sebagai satu saluran(outlet) kepada anak-anak yatim bagi medapat peluang pengajian tinggi sebaik mungkin, kerana dikalangan anak-anak yatim itu mempunyai kemampuan ke arah itu. Oleh demikian, University College Bestari didaftarkan di bawah syarikat Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM). Awalnya UCB merupakan sebuah Kolej Teknologi Bestari (KTB). Sungguhpun pada peringkat perancangannya, penubuhan kolej ini semata-mata untuk menampung keperluan aliran bagi anak-anak yatim, tetapi mungkin aspek perluasan peluang kepada pihak-pihak lain perlu juga diberi, seperti anak-anak dari golongan Program Pembangunan Rakyat Termiskin(PPRT), anak-anak Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), anak-anak luar bandar dan sebagainya yang tidak dapat ditampungi oleh Intitusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Dari itu, penubuhan UC Bestari ini terbukti memberi manfaat kepada semua pihak.

Pada 1 Ogos 2012, KTB telah di naik taraf menjadi University College Bestari (UCB). Walaupun demikian, KTB tetap dikekalkan dengan pengurusan terpisah. Oleh itu, kini terdapat tiga IPT iaitu UCB, KTB dan IKB yang kesemuanya didaftarkan di bawah PEYATIM dengan masing-masing mempunyai pengurusan terpisah. Matlamat utama penubuhan UCB adalah untuk meningkatkan pendidikan golongan anak yatim, golongan miskin dan pelajar luar bandar. Kampus UCB didirikan di atas tanah seluas 320 ekar yang diwakafkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Kampus ini boleh menampung 5000 mahasiswa dengan pelbagai sarana kemudahan. Perwakafan tanah tapak kolej tahun 2009 (pada masa itu UCB masih lagi KTB) telah diluluskan oleh Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu (MAIDAM). Ini kerana MAIDAM adalah pemegang amanah tunggal bagi semua jenis wakaf di negeri Terengganu (Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rashid dan Noor Inayah Yaakub, 2016). Kemudian wakaf ini dilancarkan pada tahun 2010 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin. Saat ini terdapat sekitar 2000 pelajar yang sedang menyambung pelajaran di UCB.

Peranan harta wakaf ini juga berpotensi bagi membiayai kegiatan sosial masyarakat Islam dengan cara menyediakan peluang pendidikan, meningkatkan peluang pekerjaan serta mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan (Ahmad Zaki Abdul Latif, Che Zuina Ismail dan Norzaidi Mohd Daud, 2006). Dengan adanya UCB ini dapat memberikan atau membuka peluang yang lebih

kepada anak yatim dan orang miskin untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Hal ini kerana terdapat kajian yang mendapati pembiayaan pendidikan melalui instrumen wakaf ini dapat mengurangkan masalah keciciran serta ketinggalan anak-anak bangsa yang tidak dapat meneruskan pengajian atas alasan kemiskinan. Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rashid dan Noor Inayah Yaakub (2016) menganggap kejayaan sesuatu UCB dalam menggunakan wakaf sebagai alat untuk mengumpul dana boleh menjadi model terbaik universiti lain untuk diikuti.

b) Kelestarian Wakaf di UCB

Kelestarian merupakan isu penting dalam sebuah institusi atau organisasi. Begitu juga dengan wakaf pendidikan di IPT, bukan sahaja membantu pembangunan pendidikan pelajar bahkan membantu IPT daripada segi merangka dasar serta strategi yang mantap agar lebih berdaya saing dan kompetitif kerana adanya faktor kewangan yang kukuh. Tidak terkecuali UCB yang merupakan sebuah IPTS yang berdasarkan wakaf sepenuhnya. Hal ini berkait dengan beberapa persoalan. Bagaimanakah universiti ini memastikan kelestarian universiti wakaf? Apakah kaedah pelestarian aset wakaf yang dijalankan oleh UCB? Atau dengan kata lain bagaimanakah pengurusan dana wakaf di UCB untuk memastikan kelestarian wakaf tersebut? Terdapat beberapa kaedah atau model yang dikenal pasti dalam memastikan kelestarian wakaf pendidikan tinggi di UCB.

Pengurusan dan Pentadbiran UCB

Di UCB, pengurusan dan pentadbiran wakaf UCB adalah bawah tiga agensi *(joint venture)* yang setiapnya merupakan pemegang saham iaitu PEYATIM (Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia) (50%), PERKAYA (Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim) Terengganu (30%) dan YAKIN (Yayasan Kebajikan Negeri Terengganu) (20%). Bagaimanapun PEYATIM sebagai pemegang saham terbanyak dilantik sebagai pentadbir atau *mutawwali* UCB yang bertanggungjawab untuk memastikan dana wakaf yang dikumpulkan diurus dengan cekap dan berdasarkan pematuhan Syariah. Idea untuk melaksanakan konsep wakaf dalam UCB dipercayai dapat menjadi kayu pengukur kepada negeri-negeri lain di Malaysia (Obaidullah, 2014). Walau bagaimanapun, tugas-tugas penjanaan dana wakaf dan perbelanjaan termasuk pemasaran UCB diuruskan oleh YAWATIM (Yayasan Wakaf Pendidikan Anak Yatim Atau Miskin Malaysia). YAWATIM Berhad yang ditubuhkan pada 2 November 2011 sebagai sebuah syarikat perniagaan murni dengan no pendaftaran 96651H menurut Seksyen 16 (4) Akta Syarikat 1965. Konsep ini menurut Siti Mashitoh (2007) merupakan konsep usahasama (*joint venture*), pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti wakaf boleh bekerjasama dengan kepakaran dan kemudahan sedia ada untuk memajukan wakaf di Malaysia. Dalam konteks ini, pelaksanaan wakaf di UCB merupakan kerjasama antara pihak PEYATIM, PERKAYA dan YAKIN dengan menekankan YAWATIM dalam mempromosikan dana wakaf ilmu merupakan salah satu usaha murni yang sewajarnya dicontohi oleh IPT lain.

Aset UCB

Sebagaimana yang kita ketahui, tujuan asal wakaf itu sendiri adalah untuk memberikan manfaat kepada masyarakat namun dana wakaf ini perlulah dibangunkan agar aset terus berkembang bagi menambahkan kuantiti wakaf serta kualiti manfaat di samping struktur dalam organisasi wakaf juga harus jelas bagi memastikan dana wakaf ini dapat dikembangkan dan dikomersialkan (Siti Zakiah Ali, 2014). Sehingga kini kebanyakan pihak pengurusan wakaf hanya bergantung kepada sumbangan daripada orang ramai dalam menyelenggarakan harta wakaf dan masih kurang inisiatif dalam meningkatkan penghasilan harta wakaf terutamanya yang bersifat ekonomi dan perniagaan (Zakaria Bahari, 2012). Oleh itu, kelestarian menampung pembiayaan IPT ini amatlah penting kerana proses pendidikan mengambil masa yang panjang dan institusi ini perlu mampu bertahan dalam asakan sektor pendidikan terutamanya yang berkaitan dengan kewangan (Mokhtar Ismail, Mohd Isa, Muna Sulaiman dan Hairullfazli, 2015).

Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rashid dan Noor Inayah Yaakub (2016) mendapati faktor kepemilikan aset sendiri memberikan lebih banyak keistimewaan untuk mengumpul dana wakaf. Dalam konteks UCB, aset (tanah) merupakan ekuiti nyata yang merupakan model besar atau kekuatan bagi UCB. Tanah seluas 320 ekar didaftarkan di bawah kepemilikan UCB telah diluluskan oleh MAIDAM bahawa tanah wakaf tersebut boleh dijual untuk didapatkan manfaatnya. Strategi ini sama dengan yang dijalankan di Singapura iaitu menjual hartanah wakaf yang sedia ada. Cara ini merupakan satu daripada lima strategi wakaf yang popular di Singapura (Shamsiah Abdul Karim, 2010). Pihak UCB menjual tanah wakaf kepada masyarakat berdasarkan lot-lot (harga satu lot adalah RM 30). Kemudian pembeli atau masyarakat mewakafkan semula tanah yang mereka beli tersebut kepada pihak UCB untuk dimanfaatkan sebagai bahagian daripada universiti, manakala wang hasil penjualan lot-lot tanah tersebut dimanfaatkan UCB untuk pelbagai tujuan. Antaranya wang tersebut dilaburkan semula, membangun infrastruktur seperti asrama mahasiswa dan fasiliti lainnya. Dalam hal ini prinsip *istibdal* dijalankan. Langkah *istibdal* wakaf dimaksudkan ialah dengan menjual harta wakaf sedia ada kemudian membeli harta atau aset yang sama atau aset yang lain pada tempat yang lain. Hal ini ditegaskan oleh Pengerusi Pengelola Lembaga UCB:

> *"Duit tak boleh habis, tetapi mesti diputar atau dikelola. Namun begitu perbelanjaan dana wakaf yang terkumpul tersebut atau tidak semuanya wang hasil penjualan tersebut dibelanjakan, hanya digunakan dengan tidak melebihi separuhnya"*

Wang *reserve* pula tidaklah wang terhenti begitu sahaja tetapi dilaburkan semula dan di putar semula misalnya membeli tanah yang mempunyai nilai yang tinggi. Pihak UCB juga telah mula membangunkan dan memanfaatkan aset (tanah) yang sedia ada bagi aktiviti pertanian dan penternakan. Kawasan pertanian dan penternakan yang dikenali dengan '*Trigona*' merupakan lahan yang dimanfaatkan bagi aktiviti pertanian dan penternakan. Hasil daripada pertanian dan penternakan ini dimanfaatkan untuk keperluan pendidikan. Kaedah ini selari dengan cadangan pengkaji seperti Zakaria Bahari (2013); Baharuddin Sayin dan Muhammad Hamizan Abd Hamid (2015) agar pihak pengurusan wakaf jangan hanya bergantung kepada sumbangan daripada orang ramai dalam menyelenggarakan harta wakaf tetapi harus ada inisiatif dalam meningkatkan penghasilan harta wakaf terutamanya yang bersifat ekonomi dan perniagaan.

Kepimpinan UCB

Dalam konteks ibadah wakaf ini sejarah telah membuktikan ketekunan pimpinan kerajaan Islam sebelum ini dalam melaksanakan ibadah wakaf terus disuburkan oleh generasi pewaris masa kini dan buktinya adalah seperti Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Nazrin Shah yang telah mewakafkan tanah milik baginda untuk tujuan pembinaan kampus baru KUISAS (Mokhtar Ismail, Mohd Isa, Muna Sulaiman dan Hairullfazli, 2015). Perkara ini turut diperkatakan oleh seorang responden:

> "*Kepimpinan yang kuat sangat menentukan kemajuan dan kelestarian sebuah institusi, termasuk UCB ini" "Kekuatan utama UCB ini sebenarnya terletak kepada kepimpinannya, kepimpinan yang kuat iaitu adanya seorang yang mempunyai dedikasi kuat dalam hal ini adalah Pengerusi Eksekutif Lembaga Pengelola UCB. Orang tersebut merupakan yang educated dan minat kepada hal-hal yang berkaitan dengan education ini".*

Berdasarkan pandangan salah seorang responden, dilihat daripada sudut pentadbiran isu kepimpinan ini berkaitan dengan "w dan c" yang saling berkaitan antara satu dengan yang lainnya. Istilah W ialah "*will*" atau dalam istilah lainnya "*proper motive*" dan C merupakan"*capacity*". *Will* bermaksud motif ataupun sebab ingin menjadi pemimpin dan diertikan sebagai niat iaitu niat baik. Maksudnya, bagi seorang pemimpin perlu adanya *will*, keinginan, dedikasi untuk memimpin, namun *will* sahaja tidak mencukupi tanpa didukung oleh kapasiti. Kapasiti bererti kemampuan dan kelayakannya dalam memimpin termasuklah kemampuan intelektual (pendidikan), bertanggung jawab, bersikap adil,

amanah, jujur dan sebagainya. Kapasiti di sini ertinya, pemimpin tersebut bukan hanya mempunyai kapasiti, tetapi juga tahu bagaimana menggunakan kapasiti tersebut. Kapasiti menjadi kurang bermanfaat jika tidak ada *will* bahkan ia dapat membahayakan jika ia menggunakan kapasiti tersebut untuk tujuan yang tidak baik. Faktor kepimpinan merupakan salah satu faktor penentu dalam kelestarian sebuah organisasi. Ertinya perlu adanya seseorang (*the actor*) yang mempunyai dedikasi yang tinggi dalam sebuah organisasi untuk memastikan kemajuan organisasi tersebut. Kualiti kepimpinan yang cemerlang merupakan elemen yang penting bagi pengurus dan tunggak utama penilaian keberkesanan pengurus adalah melalui kualiti kepimpinan (Ab. Aziz Yusof, 2011).

Dalam institusi UCB jawatan tertinggi adalah Pengerusi Eksekutif Lembaga Pengelola Universiti (LPU) yang dipimpin oleh YM. Prof. Dato'. Dr. Haji Tengku Mahmud Mansor, di bawahnya terdiri daripada Pegawai Khas (unit per korporat, projek khas dan audit dalaman). Dalam sistem pentadbiran, UCB dipimpin oleh seorang Naib Canselor yang dibantu oleh tiga Timbalan Naib Canselor, Pendaftar dan Bendahari. Naib Canselor bertanggung jawab terus kepada Pengerusi LPU dan Pegawai Khas Universiti. Penubuhan UCB adalah idea yang datang daripada Presiden PEYATIM sekaligus pendiri UCB. Adanya keinginan (*will*) yang kuat yang diikuti dengan kapasiti daripada Presiden PEYATIM untuk membangun dan mengembangkan potensi pendidikan golongan anak yatim dan miskin supaya mampu berdikari dan membina masa depan yang cemerlang. Justeru itu, bagi mencapai matlamat tersebut PEYATIM telah menubuhkan UCB, yang diharapkan dapat memberi peluang kepada anak yatim dan golongan miskin mengecapi pendidikan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Sumbangan Kerajaan dan Masyarakat

Kampus UCB yang terletak di Setiu Terengganu merupakan bantuan Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Pusat serta bantuan masyarakat. Sebagaimana diketahui kampus UCB berdiri di atas tanah seluas 320 ekar yang merupakan wakaf Kerajaan Negeri Terengganu, manakala pembangunan kampus bernilai RM 30 juta pula merupakan sumbangan Kerajaan Pusat pada era pemerintahan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Kampus UCB boleh menampung 5000 mahasiswa dengan pelbagai sarana kemudahan. Kampus tersebut telah dirasmikan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2004. Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada masa itu telah mengambil inisiatif pertama dengan memperkenalkan wakaf sebagai alat ekonomi di negara ini. Bahkan model wakaf juga dikatakan mempunyai potensi untuk mengurus dan mengawal hutang kerajaan (Azniza Hartini Azrai Azaimi Ambrosea, Mohamed Aslama dan Hanira Hanafi, 2015).

Bagaimanapun, perlu cara lain untuk memastikan kelestarian wakaf agar tidak terlalu bergantung dengan bantuan kerajaan. Oleh itu aktiviti perwakafan tanah tapak kolej mula dijalankan pada tahun 2009 (pada masa itu UCB masih lagi KTB) yang diluluskan oleh Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu (MAIDAM) untuk memastikan ianya selari dengan syari'ah. Perkara ini juga berkaitan dengan kelestarian wakaf itu sendiri, instrumen wakaf haruslah mematuhi hukum syarak bagi memastikan kelangsungan institusi dan badan wakaf seiring dengan kehendak syariah (Raja Nor Ashikin Raja Ramli dan Nor 'Adha Abd Hamid, 2014). Setelah memastikan ketepatan syarak, barulah aktiviti wakaf UCB dapat dilancarkan.

Merakyatkan Wakaf Melalui UCB

Kejayaan pelaksanaan wakaf di universiti sangat berkait rapat dengan kesedaran umat Islam untuk berwakaf (Fuadah Johari & Mohammad Alias, 2013). Bagaimanapun menurut Abul Hassan dan Mohammad Abdus Shahid (2010); Muhammad Ikhlas Rosele (2013); Maffuza binti Salleh dan Noor Syahida binti Abdul Rahman (2014) tahap kesedaran serta kepentingan pengetahuan masyarakat tentang wakaf masih lagi kurang. Perkara ini menjadikan pengumpulan dana wakaf menjadi sesuatu yang berat dan sukar. Adanya stigma atau anggapan dalam masyarakat bahawa wakaf hanya boleh dilakukan oleh golongan kaya sahaja. Atas sebab itulah pihak UCB mengambil inisiatif bagi memudahkan pengumpulan dana wakaf ini, tanah 320 ekar yang merupakan hak milik UCB

dibahagikan bernilai RM 300 untuk 1 Meter dibahagikan kepada 0.1 meter persegi dan dijual dengan harga RM 30.00 serta dikecualikan daripada cukai pendapatan. Tujuan pemecahan bahagian tanah menjadi lot-lot kecil ini untuk mensosialisasikan wakaf dan memudahkan masyarakat untuk berwakaf. Sehingga wakaf tidak eksklusif untuk golongan kaya sahaja bahkan golongan menengah ke bawah atau golongan marhaen juga mampu berwakaf.

Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh seorang lagi responden pakar:

> *"Wakaf di UCB agak berbeza dengan di Turki. Kita telah membuat kunjungan dan perbandingan ke Turki mahupun ke Jakarta (Muhammadiyah). Kita mendapati di Turki lebih kepada wakaf golongan-golongan kaya sahaja atau pemodal besar iaitu golongan ini mewakafkan aset seperti kebun kurma yang sangat luas dan hasil daripada kebun tersebut digunakan untuk kepentingan kebajikan. Dalam konteks ini berbeza dengan UCB, didapati 80% yang berwakaf adalah daripada golongan marhaen. Perkara ini kerana dengan wang RM 30 sahaja mereka sudah boleh berwakaf. Jika mereka orang kaya mereka akan ambil lot banyak, ada pewakaf yang sanggup membeli 1-2 ribu lot. Jadi, fleksibel. Situasi ini agak sama dengan wakaf Muhammadiyah di Indonesia, yakni sumber dana wakaf kebanyakannya datang daripada masyarakat golongan menengah ke bawah dan pengelolaan dana tersebut juga diawasi oleh masyarakat."*

Keadaan ini membuktikan tiada eksklusifism dalam berwakaf kerana wakaf selalu dikaitkan dengan golongan kaya sahaja. Usaha UCB untuk merakyatkan wakaf ini kelihatan berjaya dan ini dikatakan oleh seorang responden:

> *"Daripada hasil pungutan wakaf yang kita peroleh daripada penjualan lot-lot kebanyakan yang membeli adalah golongan marhaen, bukan golongan kaya raya atau pemodal".*

Situasi dan pengalaman UCB ini membuktikan bahawa kesedaran masyarakat berwakaf cukup tinggi jika diberi peluang dengan menggunakan kaedah yang betul.

Pemerkasaan Alumni (Sumbangan Alumni)

Sumbangan kerajaan dan masyarakat umumnya tidak dapat dinafikan dalam pembangunan wakaf universiti. Perkara ini juga telah banyak dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya. Namun peranan masyarakat khasnya alumni belum banyak yang menyorotinya. Padahal sumbangan alumni dalam pembangunan wakaf universiti dianggap cukup berpotensi dengan melihat kepada universiti di Barat. Faktor sumbangan alumni ini disuarakan oleh salah seorang pakar:

> *"Alumni-alumni UCB yang telah berjaya diharapkan kembali semula membangun UCB dengan cara berwakaf ataupun memberi sumbangan dalam bentuk apa pun. Kita pihak UCB sudah mula mengumpulkan data-data para alumni yang tersebar di seluruh Negara. Dalam hal ini UCB menugaskan bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) untuk mendapatkan maklumat dan data-data tersebut. Sehingga pemerkasaan alumni dapat dilakukan segera*".

Jika hal ini digerakkan secara maksimal tidak mustahil apa yang berlaku di Universiti Harvard akan berlaku di UCB atau universiti wakaf lainnya di Malaysia. Kajian Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak dan Mohd Yahya Mohd Hussin (2014); Salwa Amirah Awang Kartini Aboo Talib @ Khalid, Nidzam Sulaiman, Wan Kamal Mujani dan, Ermy Azziaty Rozali (2015) mendapati pengumpulan dana *endowment* yang bermula dari sumbangan derma Alumni Universiti Harvard, Amerika Syarikat adalah permulaan yang boleh dianggap berkesan dari aspek jangka pendek. Sumbangan kecil ini boleh menjadi sumbangan besar jika ianya bersifat konsisten dan respons alumni yang mempunyai jaringan besar dengan kapasiti model yang besar boleh dijadikan sumber yang efektif. Selain dari derma

sumbangan alumni, sumber lain seperti syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan turut dilihat berupaya digunakan bagi pengumpulan dana *endowment* ini. Begitu juga yang berlaku di Princeton University, Stanford University, Brown University, Wellesley College, Davidson University, Amherst College, Bowdoin College, Claremont McKenna University, Williams College, Dartmouth College adalah merupakan contoh Universiti di Amerika Syarikat yang menunjukkan peranan alumni adalah penting dalam pembangunan sesebuah universiti (http://bisnis.liputan6.com/read/2032856/10-kampus-pencetak-alumni-miliarder-paling-murah-hati). Di United Kingdom, budaya menyumbang kembali kepada *almamater* melalui alumni sudah menjadi tradisi yang membanggakan. Kajian Rose-CASE Service ke atas 144 universiti di UK baru-baru ini misalnya memperlihatkan peningkatan yang ketara terhadap sumbangan penderma kepada Tabung Universiti melalui alumni setiap tahun. Pada tahun 2006-2007 lebih STG548 juta diterima menerusi derma dengan universiti tersohor Oxford dan Cambridge mendahului pengumpulan dana sebanyak STG270 juta (RM1.4 bilion).

Sayangnya di Malaysia, budaya kembali menyumbang semula kepada universiti yang menjadi tempat mahasiswa itu menuntut ilmu belum menjadi darah daging dan amalan murni. Kurangnya budaya menyumbang, memberi mahupun menyalurkan semula sumbangan melalui pembabitan alumni di negara ini tidak sehebat tradisi menyumbang seperti di negara-negara maju. Sebagai contoh universiti terkaya di dunia, Universiti Harvard yang menyediakan sebuah tabung *endowment* mereka yang sehingga hari ini berjaya mengumpulkan dana mencecah US$32 bilion (RM102.4 bilion) (Berita Harian, 2014). Oleh demikian, perkara ini telah disedari oleh UCB dan universiti ini mula menggerakkan alumni secara aktif serta menjadikannya sasaran penting sebagai salah satu upaya melestarikan wakaf universiti. Bagaimanapun usaha ini masih di peringkat awal iaitu pihak UCB melalui bahagian Hal Ehwal Pelajar dan alumni (HEPA) mula mengumpulkan data-data keseluruhan alumni dalam rangka menarik alumni agar berperanan aktif untuk kemajuan universiti.

Kesimpulan dan Implikasi

Kepentingan wakaf dalam IPT tidak dapat dinafikan, terbukti dengan banyaknya IPT di dunia yang berjaya dibangunkan melalui wakaf sebagaimana universiti al-Azhar di Mesir dan beberapa universiti di Turki. Dalam konteks Malaysia wakaf menjadi perhatian tatkala semua pihak menyedari bergantung semata-mata kepada dana kerajaan tidaklah mencukupi. Perlunya alternatif lain yang berpotensi bagi menyediakan biaya pendidikan terutama bagi mereka yang kurang mampu agar pendidikan itu sendiri lestari. Pembangunan wakaf di IPT Malaysia semakin berkembang dan ini amat berpotensi jika digerakkan secara bersungguh-sungguh. Sebagai implikasinya pembangunan seharusnya diikuti dengan kelestarian. Kelestarian aset wakaf pendidikan tinggi di IPT Malaysia seharusnya lebih diteliti dan diperdalami lagi dengan mengemukakan pelbagai kaedah yang lebih berkesan agar wakaf pendidikan tinggi ini dapat dilestarikan dalam tempoh jangka masa yang panjang. Perlunya suatu usaha maksimal bukan sahaja untuk membangun wakaf itu sendiri tetapi juga memastikan agar wakaf tersebut kekal ataupun lestari. Dalam konteks UCB beberapa kaedah pelestarian wakaf pendidikan ini melalui beberapa cara. Antara lain memastikan pengurusan dan pentadbiran yang berkesan, kepemilikan aset yang dikelola dengan baik, kepimpinan, sumbangan kerajaan dan masyarakat serta memperdayakan alumni. Kaedah ini boleh dijadikan model bagi universiti-universiti lainnya di Malaysia untuk kelestarian wakaf itu sendiri.

Rujukan

Abu Bakar Manat. (2007). Isu-isu semasa berhubung pembangunan tanah wakaf. *Jurnal Pengurusan JAWHA:* Bil 1.

Abul Hassan & Mohammad Abdus Shahid. (2010). *Mangement and Development of the Awqaf Assets*. Prosiding *Seventh International Conference The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*: Bangi 2010, di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor pada 6–7 Januari 2010.

Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor. (2015). Kelestarian pengurusan aset wakaf pendidikan tinggi malaysia: satu sorotan. *Prosiding Seminar International Islamic Development Management*

Conference yang ke-9 (IDMAC9), Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), 8-9 Disember 2015 di Universiti Sains Malaysia (USM).

Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor. (2015). *Potensi Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Zaki Abdul Latif, Che Zuina Ismail dan Norzaidi Mohd Daud (2006). Pengurusan harta wakaf dan potensinya ke arah kemajuanpendidikan umat Islam. *Kertas Kerja Konvensyen Wakaf* , Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2016.

Aminah Mohsin & Mohammad Tahir Sabit Mohammad. (2011). Weaknesses of Current Capital Raising, Financing, and Investment Methods of Awqaf (Islamic Trusts). *Kertas kerja International Conference on Social Science and Humanity, International Proceedings of Economics Development Research (IPEDR)*, Bil 5. Singapore: IACSIT Press.

Amini Amir Abdullah. (2013). Kajian pelan induk transformasi pembangunan hartanah wakaf di Malaysia. Kertas cadangan penyelidikan untuk Yayasan Wakaf Malaysia. Muat turun daripada https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=1&ca=rja&uact=8&ved=0CBwQFjAAahUKEwjolcG8yMbIXKA44KHTAnCmc&ur=http%3A%2F%2Fwww.researchgate.net%2Fprofile%2FD_Amini_Abdullah%2Fpublication%2F256673165_KAJIAN_PELAN_INDUK_TRANSFORMASI_PEMBANGUNAN_HARTANAH_WAKAF_DI_MALAYSIA%2Flinks%2F02e7e52398a00b4541000000&usg=AFQjCNFB7U_oR40g9xUTp5yv7oCT2MvKTw&bvm=bv.105454873,d.c2E pada 16 Oktober 2015.

Arkib University College Bestari. (UCB). *Profil UCB 2016*. Jabatan Pendaftar University College Bestari (UCB).

Asharaf Mohd Romli, & Mustafa Omar Mohamad. (n.d.). An Overview of Public Funding for Higher Learning Education in Malaysia and the Prospect of Waqf Funding, 1–20.

Azniza Hartini Azrai Azaimi Ambrosea, Mohamed Aslama dan Hanira Hanafi. (2015). The Possible Role of Waqf in Ensuring A Sustainable Malaysian Federal Government Debt. *Procedia Economics and Finance*, 31, 333 – 345.

Azri Ahmad, Syarqawi bin Muhammad dan Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman. (2012). Education development through waqf. *Kertas kerja yang dibentangkan pada 3rd International Conference on Islam and Higher Education (3rd ICIHE)*, 1st – 2nd October 2012 di Pahang State Foundation Complex, Kuantan, Malaysia.

Baharuddin Sayin, & Muhammad Hamizan Abd Hamid. (2015). Wakaf Tunai: Satu Cadangan Penguatkuasaan Perkara 11 (2) Perlembagaan. In International Conference on Waqf 2015 (ICW2015), UNISZA (Vol. 2015, pp. 1–462).

Farra Munna Harun, Bayu Taufiq Possumah, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai dan Abd Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak dan Mohd Yahya Mohd Hussin. (2014). Issues and economic role of waqf in higher education institution: Malaysian experience. *Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah (Journal of Islamic Economics), 8* (1), 149-168.

Halim Mohd Noor. (2014). Empowering higher education institution: the role of waqf - Malaysian perspective. *Proceedings of the Australian Academy of Business and Social Sciences Conference* 2014, in partnership with The Journal of Developing Areas.

Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Abd Rahman. (2013). Aplikasi Sukuk dalam Usaha Melestarikan Aset Wakaf: Pengalaman Pemegang Amanah Terpilih. *Jurnal Syariah, Jil. 21, 2* (2013), 89-116.

Kamarudin Ngah. (1991). *Isu Pembangunan Tanah Wakaf.* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kartini Aboo Talib @ Khalid, Nidzam Sulaiman, Wan Kamal Mujani dan, Ermy Azziaty Rozali. (2015). Membiayai pendidikan tinggi menerusi endowmen: kewibawaan model hibrid Harvard. *Malaysia Journal of Society and Space*, *11* (4), 121 – 131.

Kartini Aboo Talib @ Khalid, Nidzam Sulaiman, Wan Kamal Mujani & Ermy Azziaty Rozali. (2014). Praktis Endowment di institusi pengajian tinggi Luar Negara: Pengalaman dan cabaran. Dalam Wan Kamal Mujani (2014). *Pelestarian institusi wakaf memperkasa pendidikan negara.* Penerbit Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Khoo Kay Kim. (1980). Perkembangan Pelajaran Agama Islam. *Dalam Pendidikan ke Arah Perpaduan,* Awang Had Salleh (Ed.). Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Maffuza Salleh & Noor Syahida Abdul Rahman. (2014). Wakaf pendidikan di Malaysia: Satu tinjauan. *Kertas Kerja International Research Management and Innovation Conference* (IRMIC2014) di Kuala Lumpur pada 17-18 November 2014.

MAIDAM. (2013). Akademi Kulinari Terengganu. Muat turun daripada http://www.maidamtrg.gov.my/index.php/index.php/component/content/article/33-artikel/367-akademi-kulinari-terengganu?highlight=WyJrdWxpbmFyaSJd.

MAIDAM. (2013). Latar Belakang Wakaf. Muat turun daripada http://www.maidam.gov.my/index.php/index.php/perkhidmatan-kami/wakaf-dan-sumber-am/368-latar-belakang-wakaf.

Majidah Zainudin. (2013). Perbezaan wakaf, sedekah, hibah dan zakat. *Buletin Yayasan Waqaf Malaysia, 2*/2013. Julai-Disember 2013.

Marziana Abd Malib, Ruzian Markom & Rusnadewi Abd Rashid. (2015). Wakaf pendidikan tinggi: Urus tadbir dan sistem perundangan yang efektif dan efisyen menjamin kelestarian perlaksanaan wakaf. Dalam Baharuddin Sayin (2015). *Wakaf pendidikan tinggi Malaysia satu penantian*. Penerbit: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi Mara.

Md Nurdin Ngadimon. (2011). Membangunkan Aset Wakaf Menggunakan Prinsip Musyarakah. *Jurnal Muamalat Siri 4*.

Mohamad Zaim Ismail, Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md. Ariffin dan Muhammad Ikhlas Rosele. (2013). Pemerkasaan wakaf di Malaysia: satu sorotan. Prosiding 5 th Islamic Economic Systems Conference (IECONS 2013), Berjaya Time Square Hotel, Kuala Lumpur, 4-5 September 2013.

Mohd Ali Muhamad Don. (2016). Kuasa perundangan serta hubungannya dengan pelaksanaan wakaf oleh institusi pendidikan tinggi (ipt) di Malaysia. *International Journal of Business, Economics and Law, 9* (5), 166-172.

Mohd Isa Mohd Deni, Hairullfazli Mohammad Som dan Mokhtar Ismail. (2014). Wakaf dan pendidikan di Indonesia. *Prosiding The International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014),(e-ISBN 978-967-13087-1-4).* 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.

Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani & Ermy Azziaty Rozali (n.d). Wakaf Pendidikan Tinggi Pertama Di Malaysia Universiti Islam Malaysia (UIM). http://ukmsyariah.org/wp-content/uploads/2015/12/30-Ermy-Azziaty-Rozali.pdf.

Mokhtar Ismail, Hairullfazli bin Muhammad Som, Mohd. Isa Mohd. Deni dan Muna Sulaiman. (2015). Model operasi wakaf pendidikan di Malaysia. *Prosiding International Conference on Cash Waqf (ICCW 2015) (e-ISBN978-967-0850-08-5).* Sepang, Malaysia, 28, 29 & 30 May 2015.

Mokthar Ismail, Hairullfazli bin Muhammad Som dan Mohd. Isa Mohd. Deni. (2015). *Prosiding International Conference on Cash Waqf (ICCW 2015) (e-ISBN978-967-0850-08-5).* 28, 29 & 30 May 2015, Sepang, Malaysia.

Monzer Kahf. (1998). Financing the development of awqaf property. *Kertas Kerja yang dibentangkan pada seminar Development of Awqaf.* Organized by IRTI, Kuala Lumpur.

Monzer Kahf. (2011). Toward the revival of Awqaf. *Prosiding The 3 rd Harvard University Forum on Islamic Finance: Local Challenge, Global Opportunities.* Cambridge, Massachusetts. Center for Middle Eastern Studies, Harvard University, 1999, 103 – 109.

Muhammad Husni Hasbulah, Mohd Zaidi Daud & Mohammad Taqiuddin Mohamad. (2015). Peranan Wakaf dalam Mengukuhkan Ekonomi Islam di Malaysia. *Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015*. Penerbit Usuli Faqih Research Centre (UFRC).

Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Mohd Asyraf Yusof, Fuadah Johari, Asharaf Ramli dan Hisham Sabri. (2014). The relief of higher education loan through Islamic waqf bank. *Asian Social Science, 10* (22), 175-181.

Muhammad Yusuf Saleem. (2009). Towards Institutional Mutawallis for the Management of Waqf-Properties. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *The International Conference on Waqf Laws and Management*, 20-22 October 2009, International Islamic University Malaysia.

Murat Çizakça. (1998). Awqaf in history and its implications for modern Islamic economies. *Islamic Economic Studies. 6* (1).

Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda. (2014). Pengurusan wakaf pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu sorotan literatur. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Utm Press.

Naziree Md. Yusof. (2010). Saham Wakaf Selangor: Hala Tuju dan Potensi dalam Pembangunan Masyarakat. *Jurnal Kanun* Disember 2010.

Neuman, W.L. (2006) *Social research methods: Qualitative and quantitative approach,* (6th ed.). Boston: Allyn & Bacon.

Noor Inayah Yaakub. (2014). *11th Kuala Lumpur Islamic Finance Forum*, 11 - 12 November 2014 * Hotel Istana Kuala Lumpur City Centre.

Nur Amalina Saidan & Asmak Ab Rahman. (2014). Potensi penggunaan instrumen kewangan islam berdasarkan waqaf dalam pembiayaan dan pembangunan institusi pengajian tinggi di Malaysia: suatu sorotan kajian. Dalam Wan Kamal Mujani (2014). *Pelestarian institusi wakaf memperkasa pendidikan tinggi negara.* Penerbit Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur Yuhanis Ismon, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Shahrina Romli & Roslina Hashim. (2015). *Mekanisme wakaf sebagai instrumen pendidikan tinggi swasta: Prospek dan cabaran Kolej Universiti Islam Melaka Sebagai IPTS.* Penerbit Institut Kajian Zakat Malaysia (IKAZ) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi Mara.

Obaidullah, M. (2014). Plantation Waqf to Promote Education: University College Bestari. *Bakhabar, 7*(12), 9–10.

Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid. (2014). Kelestarian wakaf dalam membangunkan institusi pendidikan: Kajian Awal. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *International Conference on Postgraduate Research*. 1 - 2 Disember 2014 di Kuala Lumpur.

Rohayati Hussin & Rusnadewi Abdul Rashid. (2015). Isu-isu berkaitan tanah wakaf: Halangan kepada pembangunan institusi wakaf pendidikan tinggi di Malaysia. *Waqf Round Table Conference* – IKAZ/ACIS, 12 Februaryi2015.

Rohayati Hussin, Rusnadewi Abdul Rashid dan Noor Inayah Yaakub. (2016). Exploratory study on waqf implementation in malaysian public and private universities: with special reference to turkish universities. *International Journal of Business, Economics and Law, 9* (4), 2289-1552.

Sabitha Marican. (2005) *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Malaysia: Prentice Hall Pearson.

Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill building approach* (4th ed.). New York: John Wiley & Sons Inc.

Sepuluh Kampus Pencetak Alumni Miliarder Paling Murah Hati Muat turun daripada http://bisnis.liputan6.com/read/2032856/10-kampus-pencetak-alumni-miliarder-paling-murah-hati. Muat turun pada 24 hb Oktober 2016.

Shamsiah Abdul Karim. (2010). Contemporary Shari'a Compliance Structuring For The Development and Management of Waqf Assets in Singapore. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, March 2010.

Siti Mashitoh Mahamood & Asmak Ab Rahman. (2015). Financing universities through waqf, pious endowment: is it possible? *Humanomics,31*(4), 430-453.

Siti Mashitoh Mahamood. (2007), Pembentukan dana wakaf menurut perspektif syariah dan undang-undang serta aplikasinya di Malaysia*, Jurnal Syariah, 15* (2).

Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid. (2014). Peranan dan kepentingan dana wakaf institusi pendidikan tinggi di Malaysia. *Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9)*, 17 - 19 Oktober 2014 di Kuala Terengganu, Terengganu.

Temu bual bersemuka dengan Naib Canselor UCB, pada 9 Jun 2016, Pukul 2.30-3.30 petang di UCB.

Temu bual bersemuka dengan Pengerusi Eksekutif Lembaga Pengelola University College Bestari (UCB) dan juga Presiden PEYATIM pada 20 Jun 2016, Pukul 9.30-10.30 pagi di UCB.

Tham, S. Y. (2011). Exploring Access and Equity in Malaysia's Private Higher Education. A Development Bank Institute (ADBI) Working Paper Series. Issue 28.

Utusan Online, 27 Oktober 2016. Dana wakaf kukuhkan dana universiti. Muat turun daripada http://www.utusan.com.my/berita/nasional/dana-wakaf-kukuhkan-dana-universiti-1.400189 pada 27 Oktober 2016.

Zakaria Bahari. (2013). Pembiayaan pembangunan pengajian tinggi: Kes pembangunan wakaf kompleks ISDEV, Universiti Sains Malaysia. *Kertas kerja Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam (SeiPTI2013)*, Bandar Sri Begawan, Brunei, 4-5 Disember 2013.

Zakariya Man & Salihu Abdulwaheed A. (2011). New dimension in the mobilization of waqf funds for educational development. *Kuwait Chapter of Arabian Journal of Business and Management Review. 1* (1), 155-175.